

Dataran Merdeka hingga Carcosa Seri Negara jadi Tapak Warisan KL

Shah Alam: Kawasan Dataran Merdeka sehingga Carcosa Seri Negara dijadikan Tapak Warisan Kuala Lumpur.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merangka mengenai kawasan berkenaan kepada Kabinet semasa mesyuarat Jemaah Menteri pagi kelmarin.

“Jemaah Menteri me-

minta Khazanah dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merangka mengenai seluruh kawasan bermula dari Dataran Merdeka, Bangunan Sultan Abdul Samad, Keretapi Tanah Melayu sehingga Carcosa Seri Negara untuk dijadikan keseluruhan tapak Warisan Kuala Lumpur.

“Perlu diingat, pertama kali dalam sejarah, peruntukan bermula dengan angka RM1 bilion yang diusahakan Khazanah untuk

kita kekalkan satu Warisan Kuala Lumpur,” katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Cabang, Wanita, Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor di sini, kelmarin.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau menyembah maklum kepada Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, bahawa Bangunan Sultan Abdul Samad perlu dikekalkan sebagai tanda Warisan Kesultanan Melayu yang agung.



SELURUH kawasan dari Dataran Merdeka, Bangunan Sultan Abdul Samad sehingga Carcosa Seri Negara dijadikan tapak Warisan Kuala Lumpur.